

## **SIARAN MEDIA**

Untuk Siaran Serta Merta

**Kerabat Diraja menyaksikan pertandingan bercerita anak-anak Orang Asli**

*07 September 2019, Kuala Lumpur – Anak-anak daripada Kg Orang Asli Sg Gabong menyertai pertandingan bercerita di luar penempatan mereka yang terletak 80km dari Kuala Lumpur yang hanya boleh diakses melalui sebuah jambatan kayu.*

Sebanyak 11 orang kanak-kanak berumur di antara 10 dan 16 menyertai pertandingan tersebut yang dianjurkan oleh Great Eastern Takaful Berhad (GETB) yang telah menjadikan komuniti Orang Asli seramai 100 keluarga sebagai Kampung Angkat sejak 2018. Ianya juga sebahagian daripada program Khidmat Masyarakat jangka panjang pengendali takaful tersebut.

Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Perak Tuanku Zara Salim turut mencemar duli bagi memberi sokongan dan perhatian kepada kanak-kanak di pertandingan tersebut yang bertempat di Pusat Kreatif Kanak-Kanak Tuanku Bainun, Taman Tun Dr Ismail.

Shahrul Azlan Shahriman, Ketua Pegawai Eksekutif GETB berkata, "Kami yakin dengan peranan kami sebagai penyambung di antara penduduk Bandar dan komuniti di luar Bandar. Secara tidak langsung, kami memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya dalam menaik taraf kehidupan mereka serta membawa mereka ke tahap lebih baik di mana mereka boleh mengambil langkah permulaan yang strategik ke arah penyertaan dan seterusnya menyumbang kepada perkembangan negara melalui bakat dan kemahiran unik mereka sendiri. Mereka tahu cara terbaik untuk menghadapu cabaran. Peranan kami adalah sebagai pemangkin dengan menyediakan sumber, pengetahuan dan sokongan untuk kesejahteraan kita bersama."

Projek permulaan di kampung tersebut yang tidak mempunyai sumber elektrik dan air, ialah memasang panel solar dan sistem penapisan air pada Ogos 2018. Usaha ini juga selari dengan Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu iaitu Air Bersih dan Sanitasi (Matlamat 6) dan Tenaga Berpatutan dan Bersih (Matlamat 7).

Setelah inisiatif tersebut berjaya dilaksanakan, pelbagai projek lain telah diadakan untuk menaik taraf kehidupan mereka, termasuk menjadikan balai raya mereka sebagai perpustakaan yang berfungsi sepenuhnya dengan menyediakan buku-buku yang berfaedah untuk kanak-kanak bersekolah.



Sukarelawan yang terdiri daripada staf dan ejen GETB turut menyumbang masa dan tenaga mereka dengan mengecat balai raya serta menjalankan program kebersihan mulut untuk kanak-kanak di kampung tersebut.

Dana sebanyak RM200,000 telah diletakkan untuk pelaksanaan projek serta dan sehingga kini, 1,500 jam masa telah diluangkan oleh sukarelawan melalui program khidmat masyarakat di kampung tersebut. Hari ini, GETB telah menjalankan bengkel mengajar menyulam corak di beg jut kepada penduduk kampung wanita tersebut sebagai usaha berterusan dari Julai 2019 untuk mengurangkan beban kewangan mereka.

Projek seterusnya yang dirancang akan berlaku pada suku akhir 2019 ialah pertanian komuniti yang melibatkan beberapa buah keluarga bersama menjalankan aktiviti pertanian untuk mendatangkan hasil ekonomi yang boleh membantu mereka menjana pendapatan.

Great Eastern Takaful Berhad adalah sebuah syarikat usaha sama di antara I Great Capital Holdings Sdn Bhd (i-Great), anak syarikat Great Eastern Holdings Limited dan Koperasi Angkatan Tentera (M) Berhad. Sejak penubuhannya pada tahun 2010, Syarikat telah mencapai pelbagai kemajuan di mana ia dinamakan 'Institusi Terbaru Islamik Terbaik 2011'; 'Institusi Terbaru Takaful Terbaik' pada 2012; dan 'Pengendali Takaful Terbaik (Asia)' pada 2013 di 'Islamic Business & Finance Awards' di Dubai. Pada tahun 2018, Great Eastern Takaful Berhad telah memenangi anugerah untuk 'Fastest Growing Takaful Company in Malaysia' daripada International Finance, penerbitan analisis premium dan perniagaan di United Kingdom.

Kerajaan Malaysia juga telah melantik Great Eastern Takaful Berhad sebagai pengurus mySalam, skim perlindungan nasional, di bawah kawal selia Bank Negara Malaysia.

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Ann Jennifer Gomez, Manager, Brand & Marketing Communications, Tel: 03 4259 8336 or  
email:[annjennifergomez@greateasterntakaful.com](mailto:annjennifergomez@greateasterntakaful.com)

